



23 MAR, 2023

## 'Pelombong' tak serik curi elektrik

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

# 'Pelombong' tak serik curi elektrik

**Shah Alam:** Pencuri elektrik yang menjalankan kegiatan perlombongan bitcoin secara haram masih tidak serik, biarpun premis berkaitan pernah diserbu pada Mei tahun lalu.

Tindakan itu dilakukan pasukan *Special Engagement Against Losses* (SEAL), Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Kegiatan haram yang kembali beroperasi itu terbongkar apabila pihak Suruhanjaya Tenaga (ST) dan SEAL TNB menggempur premis yang terletak di kawasan komersial di Eco Arden, di sini, semalam.

Pengarah Penguatkuasaan dan Operasi Kawasan (JPOK) ST, Md Zakuan Ibrahim berkata, siasatan mendapati dua premis termasuk premis yang pernah diserbu sebelum ini menempatkan 90 mesin bitcoin yang bernilai RM5,000 setiap satu.

Menurutnya, premis yang diserbu kali kedua itu dikesan melakukan sambungan haram, manakala satu lagi premis melakukan pengubahsuaian meter bagi mencuri elektrik di bangunan dua tingkat terbabit.

"Operasi dijalankan hasil risikan selama tiga bulan berikutan ketiadaan rekod bacaan meter hingga mengakibatkan kerugian kepada TNB sebanyak RM240,000.

"Kita turut merampas semua 90 mesin bitcoin bagi aktiviti perlombongan yang menggunakan bekalan elektrik berjumlah RM20,000 sebulan bagi se-

tiap premis.

"Semakan lanjut turut mendapati satu daripada premis itu pernah dikenakan tindakan daripada TNB pada Mei tahun lalu dan kembali beroperasi sejak enam bulan lalu," katanya ketika ditemui selepas mengetuai operasi bersepadu itu, di sini, semalam.

Ketika operasi dijalankan, kedua-dua premis di tingkat atas yang berkunci itu didapati tiada penghuni serta dilengkapi kamera litar tertutup (CCTV) yang beroperasi selama 24 jam.

Md Zakuan berkata, tiada tangkapan dilakukan dan pihaknya sedang mengesan pemilik premis serta pihak yang menjalankan sindiket itu bagi membantu siasatan lanjut.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 37 (3), Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447) yang mana sabit kesalahan, syarikat atau individu itu berdepan denda sehingga RM5 juta atau penjara tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya," katanya.

Mengulas lanjut, katanya, perbuatan mencuri elektrik seumpama itu menyebabkan gangguan bekalan elektrik dan memberi ancaman keselamatan kepada orang ramai.

"Pemilik premis diingatkan berwaspada menyewakan premis kepada mana-mana pihak dan perlu prihatin dengan aktiviti dijalankan penyewa," katanya.

**"Kita turut merampas semua 90 mesin bitcoin"**  
Md Zakuan